

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(B)22**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PENANTI  
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

22. Mohon pencerahan akan projek galeri seni di The Light Waterfront di kawasan Gelugor, Pulau Pinang yang dianggarkan berjumlah RM80 juta yang akan dirasmikan pada bulan Disember ini dan adakah sebarang elemen kebudayaan masyarakat majmuk berbilang bangsa di dalam galeri ini.

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Lin Xiang Xiong Art Gallery merupakan sebuah galeri seni yang bakal mempamerkan hasil karya pelukis, Encik Lin Xiang Xiong, seorang tokoh seni lukis Asia Tenggara yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Projek galeri ini adalah inisiatif penuh pihak swasta, di mana pembinaan, pengurusan pameran dan kurasi kandungan berada di bawah tanggungjawab pihak berkenaan, tertakluk kepada semua undang-undang serta garis panduan sedia ada.

Buat masa ini, elemen dan karya yang akan dipersembahkan belum diumumkan secara rasmi kerana galeri tersebut belum

dibuka kepada umum. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri menyambut baik dan menghargai usaha pihak swasta dalam memperkukuh ekosistem seni serta merencanakan perkembangan kebudayaan di Pulau Pinang, sejajar dengan aspirasi negeri untuk menjadi hab seni dan budaya serantau.

